

**Projek Kemasyarakatan melalui Pentaksiran dalam Subjek Hadis : Perkongsian Amalan
Pengajaran di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia¹
Muhammad Arif Yahya²**

Abstrak

Penilaian dan pentaksiran terhadap Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dalam sesuatu subjek menekankan aspek kemahiran pelajar dalam memberi sumbangan serta berperanan sebagai agen perubahan di dalam masyarakat. Kesedaran untuk menyuntik semangat pelajar dalam menyumbang kepada masyarakat seharusnya wujud sebagai salah satu elemen penting daripada hasil pembelajaran sesuatu kursus yang disampaikan. Artikel ini sebagai perkongsian pengalaman dalam pengajaran subjek hadis dengan menfokuskan salah satu pentaksiran kepada pelajar iaitu penghasilan projek kemasyarakatan. Kajian menfokuskan kepada dua subjek Hadis daripada Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Kajian Hadis (PPPH1133) bagi pelajar tahun 1 dan subjek Kajian Hadis Masa Kini (PPPH 3163) bagi pelajar tahun 3. Tugas Berkumpulan bagi subjek PPPH 1133) iaitu Projek Penghasilan Video Hadis berdurasi 2 minit manakala subjek (PPPH 3163) iaitu Projek Gamifikasi Hadis berasaskan kitab Hadis 40 Imam Nawawi. Kedua-dua tugas yang diberikan adalah bermatlamat memupuk kesedaran para pelajar dalam menyumbang sesuatu kepada masyarakat melalui projek tugas berkumpulan yang telah dihasilkan. Rekabentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metod analisis kandungan. Implikasi kajian ialah sebagai perkongsian pengalaman pengajaran yang boleh dimanfaatkan dalam penilaian dan pentaksiran melalui tugas berkumpulan projek kemasyarakatan seperti ini.

Kata Kunci : Projek Kemasyarakatan, Hadis, Hasil Pembelajaran Kursus, Pentaksiran Kursus

Pendahuluan

Pendidikan yang diterapkan di institusi pengajian tinggi perlu melihat bersama kemahiran dalam membentuk pelajar kearah memiliki kemahiran dan tanggungjawab terhadap masyarakat dalam menyebarkan kembali ilmu yang telah dipelajari khususnya ilmu agama. Perkara ini adalah selari dengan panduan Hasil Pembelajaran yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu kemahiran pelajar dalam memainkan peranan sebagai agen perubahan di dalam masyarakat (Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran: 2016 : 39). Subjek hadis di dalam pengajian Islam adalah merupakan subjek terpenting di dalam syariat Islam dan merupakan sumber utama di samping al-Quran yang mengandungi intipati ajaran Islam sepertimana yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Oleh kerana kandungan hadis yang merujuk kepada kata-kata, perbuatan atau pengakuan yang bersumberkan daripada Rasulullah s.a.w memerlukan kaedah dan garis panduan sebelum disebarkan kepada masyarakat, kemahiran tersebut perlu didedahkan kepada pelajar-pelajar sebelum mereka menyebarkan ilmu ini dengan panduan yang betul.

Subjek Hadis dan Pembelajarannya di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Pengajian ilmu hadis telah berkembang dan dipelajari di semua peringkat pengajian bermula peringkat pra sekolah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi di Malaysia (Shamsudin

¹ Artikel ini dibentangkan sebagai kertas kerja Utama dalam International Conference on Islamic Studies (ICIS 2020) anjuran Intellectual Association for Islamic Studies (IAFORIS).

² Muhammad Arif Yahya, PhD, Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email : arifyahya@ukm.edu.my.

Yabi et.al : 2017). Pengajian hadis di Malaysia berlaku dengan dua pendekatan iaitu secara formal dan tidak formal. Pengajian hadis yang bersifat formal iaitu pengajian di institusi yang memiliki sistem pengajian yang teratur dan bersistematik seperti sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, kolej dan sebagainya. Manakala pengajian hadis yang bersifat tidak formal seperti pengajian di sekolah pondok, masjid dan surau (Muhammad Faiz Mohd Fadzil et.al : 2014).

Subjek hadis secara kandungan pengajiannya ialah mengkaji dan mendalami teks hadis yang merupakan kata-kata, perbuatan atau pengakuan daripada Rasulullah s.a.w. Hadis juga mengandungi perbincangan berkaitan akhlak dan kejadian Rasulullah s.a.w secara fizikal (Abu Layth : 2005). Pembelajaran hadis adalah melibatkan dua aspek utama yang dikaji iaitu aspek *matan* iaitu teks hadis atau aspek *sanad* hadis iaitu rangkaian perawi-perawi yang meriwayatkan hadis. Subjek-subjek berkaitan hadis yang dipelajari di institusi pengajian tinggi di Malaysia antaranya *Manahij al-Muhaddithin* (Metodologi Sarjana Hadis), *Dirasah al-Asanid* (Kajian Rangkaian Sanad), *Kajian Teks Hadis*, *Hadis Mawdui* (Hadis Tematik) dan *Hadis Tahlili* (Analisis Hadis). Berbeda dengan al-Quran Dalam khazanah Ilmu-ilmu al Qur'an, menurut Amin Abdullah, terdapat dua cara yang dapat digunakan untuk memahami al Qur'an yakni, Tafsir dan Takwil.(Mofid & Hamdy, 2021) Pengajian hadis yang bersesuaian dengan era moden juga ada menawarkan di Institusi Pengajian Tinggi antaranya Pengajian Quran dan Hadis Dalam Aplikasi ICT (Muhammad Faiz Mohd Fadzil et.al : 2014). Pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek hadis di institusi pengajian tinggi sama ada melalui penyampaian di dalam kuliah atau tutorial, pembelajaran secara atas talian melalui tugas yang diberikan oleh pensyarah atau dengan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBL). Pendekatan di dalam pembelajaran hadis seperti ini sama ada secara tradisi atau diadunkan dengan pendekatan semasa adalah bergantung kepada kesesuaian penyampaiannya kepada pelajar.

Pembelajaran Subjek Hadis di Fakulti Pengajian Islam UKM

Fakulti Pengajian Islam UKM terdiri daripada 5 program utama samada di peringkat Prasiswazah atau Siswazah iaitu Program Pengajian Syariah, Program Pengajian Usuluddin dan Falsafah, Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah serta Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Islam. Pembelajaran subjek Pengajian Islam terutamanya yang bersifat turath sering dikaitkan dengan pembelajaran secara bersemuka atau *talaqqi* (Syed Salim Syed Shamsuddin 2018 : 29). Pembelajaran subjek hadis di Fakulti Pengajian Islam UKM terdapat di dalam Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan Program Usuluddin dan Falsafah. Takhusus bidang hadis secara lebih terperinci adalah di bawah Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Manakala subjek hadis di bawah program Usuluddin dan Falsafah terdapat dua subjek yang dipelajari oleh pelajar pada tahun 1 dan tahun 3 pengajian. Subjek Hadis di bawah Program Usuluddin dan Falsafah tidak mendalami bidang Hadis secara lebih terperinci, namun asas pembelajaran hadis dilalui oleh para pelajar seperti asas *takhrij* hadis, penggunaan kitab-kitab syarah hadis serta metode para sarjana hadis dalam memahami hadis secara tekstual dan kontekstual.

Projek Kemasyarakatan melalui Tugas Berkumpulan dalam Subjek Hadis

Hasil pembelajaran sesuatu subjek adalah bertujuan supaya ilmu yang dipelajari dapat dimanfaatkan bersesuaian dengan fungsi kandungan sesuatu ilmu. Di dalam Islam, sesuatu ilmu dapat di dibahagikan kepada dua, iaitu ilmu yang bermanfaat dan ilmu yang tidak bermanfaat. Tugas melalui penghasilan video dan gamifikasi hadis melalui subjek yang

diajar ini bertujuan memupuk kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab sosial dalam memahami masyarakat berkaitan kandungan hadis. Perkara ini selari dengan Hasil Pembelajaran yang digariskan dalam Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu pelajar mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan mampu berperanan sebagai agen perubahan di dalam masyarakat (Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran: 2016 : 39). Selain itu, tugasan ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar dan kreativiti mereka melalui penggunaan perisian Camtasia untuk menghasilkan video dalam penyebaran hadis-hadis Rasulullah serta projek permainan hadis dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Perkembangan teknologi moden membolehkan hadis dicapai secara digital melalui aplikasi gajet moden tanpa sempadan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman tentang hadis Nabi s.a.w seterusnya mengamalkan dalam kehidupan seharian. (Mohd Syukri Mohd Noor: 2018). Para pendakwah perlu memiliki kemahiran dalam menyampaikan dakwah di era globalisasi ini dan perlu memiliki kreativiti di dalam penyampaian tersebut (Abdullah Nasih Ulwan : 2004). Para pelajar yang berlatarbelakang pengajian Islam adalah merupakan bakal pendakwah yang akan menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat bersesuaian dengan pendekatan semasa era globalisasi ini. Subjek Kajian Hadis PPPH 1133 dan subjek Kajian Hadis Masa Kini PPPH 3163 adalah merupakan subjek tahun satu dan tiga di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM. Kandungan pembelajaran daripada kedua-dua subjek ini adalah perkara asas yang perlu diketahui oleh para pelajar dalam berinteraksi dengan hadis-hadis Rasulullah s.a.w dan isu-isu semasa. Manakala bagi subjek Kajian Hadis Masa Kini ialah pendekatan dalam menyelesaikan isu-isu semasa daripada perspektif hadis. (Buku Panduan Prasiswazah FPI UKM : 2018).

Penilaian dan pentaksiran terhadap Hasil Pembelajaran Kursus dalam sesuatu subjek menekankan aspek kemahiran pelajar dalam memberi sumbangan serta berperanan sebagai agen perubahan di dalam masyarakat. Kesedaran untuk menyuntik semangat pelajar dalam menyumbang kepada masyarakat seharusnya wujud sebagai salah satu elemen penting daripada hasil pembelajaran sesuatu kursus yang disampaikan. Projek kemasyarakatan berkumpulan ini adalah bagi memenuhi salah satu Hasil Pembelajaran kedua-dua kursus tersebut yang melibatkan aplikasi ilmu yang dipelajari kepada masyarakat.

Kursus

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang berkaitan

Kajian Hadis (PPPH 1133)

HPK 4 : Berkebolehan untuk berhujjah menggunakan dalil-dalil hadis dalam menyelesaikan isu semasa masyarakat

Kajian Hadis Masa Kini (PPPH 3163)

HPK 4 : Berkebolehan berhujjah dalam isu-isu semasa berkaitan hadis.

Penghasilan Video Hadis

Salah satu kaedah pentaksiran dalam subjek Kajian Hadis ini ialah pelajar perlu menyiapkan secara berkumpulan Video Hadis menggunakan perisian Camtasia. Camtasia Studio ialah perisian yang digunakan untuk menangkap skrin (*Capture Screen*) dan merakam dalam membuat menu interaktif dan media yang diproduksi oleh Techsmith. Perisian ini boleh dimanfaatkan untuk membuat media pembelajaran seperti video tutorial dan video pembentangan. Para pelajar menggunakan perisian Camtasia ini untuk mempersembahkan video hadis masing-masing dengan lebih menarik. Tugas yang diberikan ini bertujuan untuk membentuk pelajar berkemahiran dalam menyebarkan ilmu yang telah dipelajari untuk disampaikan kepada masyarakat umum. Perkara ini dinilai oleh pensyarah melalui tugas secara berkumpulan yang dilaksanakan oleh pelajar dengan menghasilkan video pendek sekitar dua minit bertujuan menghuraikan tugas hadis yang diberikan. Sebelum membuat rakaman video hadis, para pelajar perlu memahami hadis yang diberikan berdasarkan pemahaman ulama hadis yang muktabar dengan merujuk kitab-kitab huraian (*syarah*) yang telah disepakati oleh sarjana hadis. Pelajar dibekalkan dengan kitab-kitab syarah hadis tersebut bagi memudahkan setiap kumpulan merujuk kitab-kitab tersebut. Pelajar melalui video ini juga perlu mengemukakan lima panduan praktikal bagaimana beramal dengan hadis tersebut. Hadis yang telah dihuraikan perlu dikemukakan sumber hadis tersebut (*takhrij al-hadith*) dengan menggunakan pencarian takhrij daripada kitab *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi* serta *kutub al-sittah*. Kemahiran asas yang ingin diterapkan kepada pelajar melalui subjek ini ialah melibatkan dua perkara iaitu kaedah mencari sumber sesuatu hadis dengan pendekatan metode *Takhrij Hadis* serta kaedah memahami sesuatu hadis dengan pendekatan metode *Syarah Hadis*. Hasil tugas kepada pelajar melalui penghasilan video ini mampu memberi impak dalam mencapai tiga objektif besar iaitu i)kemahiran pelajar dalam merujuk sumber utama bagi teks hadis yang dikaji serta sumber bagi kitab *syarah* hadis, ii)kemahiran pelajar menggunakan teknologi dalam pembelajaran hadis, iii) serta sumbangan penyebaran hadis kepada masyarakat melalui projek penghasilan video hadis ini.

Hadis-hadis yang dijadikan bahan kepada pelajar untuk tugas video ini adalah merupakan hadis sahih yang mengandungi perkara asas dalam kehidupan untuk tujuan masyarakat beramal apabila melihat video yang dihasilkan ini. Oleh yang demikian, antara perkara yang perlu dilakukan pelajar di dalam video ini ialah memberikan panduan bagaimana kaedah beramal dengan hadis agar masyarakat tergerak untuk terus mengaplikasikan kandungan hadis ini. Berikut ini dikemukakan beberapa contoh hadis dan kandungannya yang diberikan kepada pelajar-pelajar untuk tujuan tugas video Camtasia ini :

B i l	Potongan Teks Hadis	Kandungan Hadis	Umum
1	" <i>Sesungguhnya Allah tidak memandang pada rupa paras kamu....</i> "	Allah	Pandang Pada Ketakwaan
2	" <i>Kamu semua tidak akan masuk Syurga kecuali Kamu semua beriman...</i> "	Kasih Sayang	Antara Manusia
3	" <i>Neraka dikelilingi dengan syahwat (hal-hal yang disukai oleh nafsu)...</i> "	Jalan Ke Syurga Oleh Perkara	Diliputi Oleh Yang Dibenci Oleh Nafsu

- | | | |
|---|--|---|
| 4 | <i>"Sesiapa Bernazar Untuk Mentaati Allah..."</i> | Nazar Untuk Berbuat Kebaikan |
| 5 | <i>"Para Malaikat akan mendoakan bagi seseorang daripada kamu selama ia menetap duduk di tempat solat...."</i> | Kelebihan Doa Malaikat Bagi Mereka Yang Melaksanakan Ibadah Di Dalam Masjid |
| 6 | <i>"Jikalau tidak membebankan umatku sudah tentu aku akan menyuruh mereka untuk bersugi setiap kali solat"</i> | Bersugi Sebelum Solat |

Ini adalah sebahagian daripada contoh hadis-hadis yang diberikan tugas kepada pelajar untuk tujuan penghasilan video hadis berasaskan Camtasia ini. Hadis-hadis yang diberikan tugas ini adalah merupakan hadis yang amat bersesuaian dan diperlukan oleh masyarakat supaya difahami dan diamalkan di dalam kehidupan. Kaedah mengenalpasti pasti sumber dan kedudukan hadis beserta kaedah memahami kandungan hadis yang telah dipelajari oleh pelajar diaplikasikan oleh mereka semasa menghasilkan video hadis Camtasia ini. Tugas penghasilan video hadis berasaskan Camtasia ini amat bersesuaian untuk tujuan penyebaran pengajaran manfaat kandungan hadis kepada masyarakat.

Penggunaan Camtasia banyak digunapakai dalam membuat video tutorial kerana latarbelakang perisian ini boleh direkod suara, muzik dan *slide* yang ingin dipersembahkan (Mohamed Amin Embi: 2018). Perisian ini boleh dipersembahkan secara lebih menarik apabila diadun penggunaannya bersama perisian Prezi. Penggunaan Prezi dapat membantu pelajar mempersembahkan kandungan huraian hadis secara lebih menarik dan professional. Tugas yang diberikan ini tidak menjejaskan matlamat utama dalam berinteraksi dengan kitab-kitab turath. Pensyarah telah memberikan panduan asas supaya pelajar dapat memahami hadis yang ingin dikongsikan difahami berdasarkan pemahaman ulama muktabar melalui kitab-kitab syarah hadis. Kemahiran dalam menggunakan kitab-kitab ulama lama terutamanya ketika memetik hadis-hadis Rasulullah s.a.w serta kaedah dalam pemahaman hadis melalui kitab-kitab syarah turut diaplikasikan oleh pelajar ketika menghasilkan video ini.



Gambar Rajah 1 : Contoh Tugas yang Dihasilkan oleh Pelajar menggunakan perisian Camtasia dan Prezi.

Hadis-hadis yang dipilih untuk tugas pelajar ini dipilih daripada hadis-hadis yang mudah dengan tujuan untuk disebarkan kepada masyarakat umum di dalam media sosial seperti *facebook* atau *youtube* atau juga melalui *group Whatsapp* dan *Telegram*. Penilaian pensyarah terhadap pelajar melalui penghasilan video ini turut melihat kemahiran pelajar di dalam memetik pandangan ulama ketika menghuraikan hadis di samping kaedah meletakkan sumber kepada hadis tersebut melalui pendekatan *takhrij hadis*. Perkara ini adalah bagi mengelak kesilapan fakta di dalam mengemukakan hadis di samping kesalahan yang lebih besar iaitu menghuraikan hadis dengan maksud yang tiada asas dengan apa yang dinyatakan oleh para ulama di dalam kitab-kitab hadis utama.

Hasil daripada tugas ini dijadikan kompilasi projek pelajar tahun 1 dalam menghuraikan hadis-hadis yang mudah kepada masyarakat dan disebarkan melalui *platform* yang telah dinyatakan agar kandungan hadis dapat dimanfaatkan secara lebih pantas kepada masyarakat awam. Namun begitu, tidak semua video yang dihasilkan oleh pelajar ini akan dikongsikan. Video yang telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan di samping tidak mengandungi kesalahan yang besar dalam memahami sesuatu hadis akan disebarkan kepada masyarakat.

Projek Gamifikasi Hadis

Perkongsian kedua berkaitan projek kemasyarakatan yang dilakukan oleh pelajar melalui subjek PPPH 3163 Kajian Hadis Masa Kini iaitu Projek Gamifikasi Hadis. Tugas projek berkumpulan ini ialah para pelajar diminta untuk membina produk yang boleh menjawab salah satu permasalahan semasa dalam pengajian hadis. Salah satu permasalahan semasa di dalam masyarakat awam masa kini ialah kefahaman yang masih lemah terhadap kandungan hadis serta ajaran yang terkandung di dalam hadis. Bagaimana ingin menjadikan kandungan hadis 40 Imam al-Nawawi boleh dikuasai dengan mudah kepada generasi muda masa kini? Bagi menjawab persoalan ini, Setiap kumpulan diberikan tugas untuk membina produk berbentuk gamifikasi dengan menjadikan hadis 40 Imam al-Nawawi sebagai bahan utama. Setiap kumpulan diwakili maksimum 5 orang pelajar dan dibekalkan dengan 3 hadis daripada hadis-hadis 40 Imam Nawawi. Setiap kumpulan perlu menjadikan karya-karya syarah yang ditetapkan sebagai bahan untuk membantu kefahaman kandungan hadis 40 :

No	Nama Penulis	Nama Kitab Syarah 40 Imam Nawawi
1	Dr. Mustaffa Bugho dan Muhyiddin Misto.	Al-Wafi Syarah al-Arbain al-Nawawi
2	Ustaz Mustafa Abd Rahman.	Syarah Hadis 40 Imam Nawawi
3	Dr. Zulkifli al-Bakri.	Al-Kafi Syarah Hadis 40

Pembahagian Hadis 40 atau tajuk bagi setiap kumpulan adalah dengan memilih salah satu tajuk berikut:

-) juk kumpulan
- adis 1-3
- adis 4-6
- adis 7-9
- adis 10-12
- adis 13-15

dis 16-18
dis 19-21
dis 22-24
dis 25 - 27
dis 28-30
dis 31-33
dis 34-36
dis 37 - 39
dis 40 - 42

Peruntukan markah untuk projek berkumpulan ini ialah sebanyak 25 markah. Perincian 25 markah ini adalah sepertimana berikut :

tertia Penilaian	arkah
ndungan games berdasarkan hadis	
mes yang kreatif dan menarik	
rya Asli	
rtas Kerja	

nlah

Kriteria penilaian yang paling tinggi markah adalah pada kandungan gamifikasi berdasarkan hadis yang dipilih. Ini kerana para pelajar tidak terlalu melebihkan sudut permainan sehingga mengabaikan kandungan hadis. Matlamat utama adalah untuk menyampaikan isi kandungan hadis kepada masyarakat awam dengan menggunakan wasilah permainan atau gamifikasi ini. Permainan dan gamifikasi yang diminta kepada para pelajar untuk menyiapkan ini juga tidak terikat dengan satu teknik permainan semata tetapi bebas kepada setiap kumpulan untuk mencari dan meneroka permainan yang menarik sebagai pendekatan untuk memahami masyarakat awam terhadap kandungan hadis 40 ini. Semoga melalui pendekatan permainan seperti ini dapat mendekatkan masyarakat awam terhadap hadis dan memahami mereka tentang kandungan hadis Rasulullah saw.

Kesimpulan

Projek kemasyarakatan melalui tugas pembelajaran dalam subjek hadis yang diajar di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM ini adalah bertujuan untuk membentuk para pelajar yang memiliki jiwa dalam menyantuni masyarakat awam untuk memahami kandungan hadis Rasulullah saw. Pendekatan dakwah dalam menyampaikan hadis secara kreatif perlu disuburkan dalam era teknologi dan pendigitilan ketika ini. Perkara tersebut perlu dipupuk dan dibina pelapis dikalangan bakal pendakwah iaitu mahasiswa universiti yang akan bersama dengan masyarakat awam setelah bergraduasi nanti. Oleh yang demikian, Hasil Pembelajaran sesuatu kursus perlu ada elemen yang menitik beratkan aspek kemasyarakatan dengan projek tertentu yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar sebagai latihan mereka berdepan dengan masyarakat awam menyampaikan ilmu yang dipelajari. Perkara ini adalah selari dengan apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di Malaysia untuk membentuk pelajar sebagai agen perubahan di dalam masyarakat khususnya kandungan yang telah dipelajari dalam bidang pengajian Islam termasuk bidang hadis.

Rujukan

- Abdullah, N. U, 2004, *Silsilah Madrasah al-Du'ah*, Jilid 1, Dar al-Salam: Kaherah.
- Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam UKM, 2018, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm 127.
- Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016, Rubrik PNGK Bersepadu (ICGPA) Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran, Kementerian Pendidikan Tinggi, hlm. 39.
- Muhammad Faidz, M. F., Fauzi D., Selamat, A., 2014, Pengajian Hadith di Institusi Formal dan Non Formal di Malaysia, *Jurnal Hadis Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)*, bil 7 (Jun 2014), hlm. 33-49.
- Mohamed Amin E., 2018, *Heutagogical Tools For Engaging The Digital Natives : A Quick Guide*, Centre for Teaching & Learning Technologies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 45.
- Mohd Syukri M.N, Norazmi, A, Shahril Nizam, Z, Amran, A, H, Ahmad Sanusi, A, Syed Najihuddin, S. H, 2018, *Pendigitalan Hadis Dalam Kerangka Revolusi Industri 4.0*, prosiding, WCIT 2018 (5th World Conference On Islamic Thought & Civilization), 67.
- Muhammad Abu al-Layth, K. A, 2005, *Ulum al-Hadith : Asiluha wa Mu'asiruha*, Dar al-Syakir ; Bangi, cet. Ke 4, hlm. 6.
- Mofid, M., & Hamdy, M. Z. (2021). Dekonstruksi Pendekatan Kritik Sastra Terhadap Al-Quran Perspektif Amin Al-Khuli. *Al-Irfan: Journal of Arabic Literature and Islamic Studies*, 4(2), 238–253. <https://doi.org/https://doi.org/10.36835/alirfan.v4i2.5069>
- Shamsudin Yabi, Syulhanif Kadri, Zulhilmi Mohd Nor, Mohd Fauzi Mohd Amin, 2017, *Pengajaran Kursus Ulum Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam : Tinjauan Literasi Terhadap Pendekatan Pengajaran Masa Kini*, Vol 13, no 14, 2017.